

26/01/2001

MIC buka langkah ke arah perpaduan masyarakat India

Magendran Rajagopal

PEPATAH yang menyebut bahawa tiada kawan atau lawan yang kekal dalam politik ternyata menjadi kenyataan apabila Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu membuat tawaran terbuka kepada Presiden Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF), Datuk M G Pandithan serta pengikutnya kembali menyertai parti itu, Selasa lalu.

Nampaknya, Samy Vellu turut mengambil iktibar daripada persefahaman antara Umno dan Pas untuk berbincang mengenai perpaduan bangsa Melayu, bagi menyatupadukan penyokong MIC dan IPF untuk perpaduan kaum India.

Pandithan seperti diketahui adalah antara bekas Naib Presiden MIC termuda dalam parti itu sebelum dipecat Samy Vellu pada 1 Disember 1988 kerana masalah disiplin.

Beliau lebih diingati kerana mencetuskan kontroversi mengadakan 'mogok lapar sehingga mati' dengan membawa sebuah keranda ke Ibu Pejabat MIC di Kuala Lumpur, serta berkumpul bersama penyokongnya sebagai membantah tindakan Samy Vellu itu.

Biarpun ramai yang menganggap perbuatan itu mengaibkan MIC dan seluruh masyarakat India secara umum, hakikatnya itulah permainan politik kaum India.

Sebenarnya, mogok lapar dan tindakan keterlaluan dengan menggunakan keranda itu adalah amalan biasa permainan politik di India yang lazimnya memberi kesan mendalam, walaupun secara luaran, perbuatan itu nampak agak janggal.

Begitu juga dengan Pandithan. Walaupun sudah 13 tahun meninggalkan MIC, namun orang ramai masih mengenalinya sebagai pemimpin India yang membawa keranda ke ibu pejabat parti selepas dipecat. Ini sekali gus memastikan namanya terus terpahat dalam ingatan masyarakat tempatan.

Tindakan Pandithan menubuhkan IPF selepas dua tahun dipecat pula menjamin namanya tetap relevan dalam senario politik tempatan dan hanya perlu menunggu masa sesuai untuk menyertai kerajaan.

Pada peringkat awal IPF menyertai campuran pembangkang, Gagasan Rakyat dan Pandithan menukar rentak pada awal 1995 serta menunjukkan kecenderungan untuk kembali menyokong Barisan Nasional (BN) walaupun masih tidak serasi dengan MIC.

Tindakannya menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan BN adalah modal yang memanfaatkan IPF pada kemudian hari.

Sebagai mengiktiraf jasa Pandithan sebagai penyokong BN, beliau dilantik menjadi Senator pada 1995 dan baru-baru ini pula, dianugerahkan pangkat Datuk, sekali gus menonjolkan semula namanya di persada politik tempatan.

Kesetiaan IPF terus menyokong BN, walaupun tidak diterima menjadi anggota parti komponen BN, memang tidak dapat dinafikan, terutama ketika pilihan raya kecil di Teluk Kemang, Negeri Sembilan dan Lunas, Kedah.

Ketika masih menyertai MIC, Pandithan menjadi antara Naib Presiden parti termuda apabila memegang jawatan itu pada umur 39 tahun dan mempunyai kumpulan penyokongnya sendiri di kalangan anggota parti.

Hakikat itu disedari Samy Vellu. Ini ditambah dengan kekalahan calon MIC dalam pilihan raya kecil di Lunas serta peningkatan pengaruh Parti Progresif Rakyat (PPP) yang majoriti ahlinya berbangsa India, turut merunsingkan Presiden MIC itu.

Tidak dapat dinafikan bahawa pelantikan Presiden PPP, Senator Datuk M Kayveas menjadi Timbalan Menteri Perumahan, baru-baru ini, sedikit sebanyak mencetuskan kerisauan di kalangan pemimpin MIC yang menganggapnya

saingan kepada parti itu.

Dalam pada itu, kebimbangan terhadap kebangkitan PPP lebih memuncak kerana beberapa siri perbincangan mengenai penggabungan IPF dan PPP sebelum ini memang diketahui umum dan ada menunjukkan beberapa pencapaian memberangsangkan.

Jika penggabungan itu menjadi kenyataan, PPP dan IPF, yang masing-masing mendakwa mempunyai lebih 400,000 ahli, akan menjadi parti ketiga terbesar dalam komponen BN, menggantikan MIC yang mempunyai kira-kira 800,000 ahli.

Tambahan pula, IPF juga merancang mengadakan undi rahsia bagi ahlinya bulan depan untuk membuat keputusan sama ada untuk terus kekal dalam IPF sebagai penyokong BN atau bergabung dengan salah satu parti komponen BN sedia ada.

Sebelum ini, menurut dakwaan Pandithan, usaha IPF untuk menyertai komponen BN sejak 1995 menemui jalan buntu kerana sentiasa ditentang oleh MIC, sedangkan kemasukan parti baru dalam BN wajib menerima persetujuan semua parti komponen.

Samy Vellu menegaskan, beliau masih tetap dengan pendirian bahawa perlu ada satu parti saja bagi mewakili kaum India di negara ini, iaitu MIC. Menurutnya, satu parti tunggal lebih berkesan bagi memperjuangkan hak masyarakat India tempatan.

Justeru, katanya, pelawaan MIC itu bukan kerana kepentingan politik peribadi tetapi lebih mengutamakan perjuangan dan hala tuju masa depan serta kebajikan masyarakat India secara umum.

Beliau juga memaklumkan bahawa tindakan itu mendapat restu sebulat suara semua anggota Jawatankuasa Kerja Pusat parti selepas menerima penjelasannya selama lebih dua jam dalam mesyuarat Rabu lalu.

Pada dasarnya, Samy Vellu dan Pandithan perlu bertolak ansur demi kebaikan masyarakat India, sama seperti apa yang dilakukan Tengku Razaleigh Hamzah, apabila Parti Semangat 46 pimpinannya kembali menyertai Umno.

Pandithan juga tidak wajar patah semangat dengan kenyataan Samy Vellu bahawa semua ahli IPF hanya akan diterima sebagai ahli biasa mengikut perlembagaan parti dan perlu bersabar bagi mengukuhkan kedudukan dalam MIC.

Malah Tengku Razaleigh sendiri hanya dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan selepas dua tahun lapan bulan kembali ke pangkuan Umno berikutan pembubaran Semangat 46.

Secara keseluruhan, manfaat kepada masyarakat India tempatan daripada kemasukan IPF dalam MIC adalah amat bermakna serta terlalu penting dan ia tidak wajar terjejas semata-mata kerana perbezaan pendapat yang remeh.

Ini adalah perkembangan baru dalam politik masyarakat India di negara ini kerana selama hampir 13 tahun, Pandithan berikrar tidak akan membubarkan IPF manakala Samy Vellu pula berkeras enggan membuka pintu MIC kepada IPF.

Kedua-dua pemimpin itu perlu menjadikan nasihat Perdana Menteri bahawa 'dalam tawar menawar, seseorang tidak wajar mengharapkan semua yang diminta menjadi kenyataan' sebagai pedoman dalam sebarang perbincangan yang diadakan.

(END)